

BAB SATU

BAB 1 PENGENALAN

1.0 Pendahuluan

Kata ganti nama adalah salah satu unsur kohesi yang penting bagi menentukan kesinambungan dan keutuhan sesebuah wacana (Halliday dan Hassan, 1976, dalam Tarigan, 1987). Dengan kata lain, penggunaan kata ganti nama yang tepat dan sesuai membantu menjadikan sesebuah wacana itu mantap dan padu. Individu yang gagal menguasai kata ganti nama dengan baik dalam sesuatu bahasa bolehlah disifatkan sebagai gagal menguasai aspek komunikasi bahasa itu. Ini kerana, menurut Samsuri (1992:6) dalam Khatijah (1996), wacana adalah rakaman kebahasaan yang meliputi peristiwa komunikasi.

Kajian yang dilakukan oleh penyelidik ialah berkenaan penguasaan kata ganti nama diri bahasa Sepanyol oleh pelajar Melayu Universiti Malaya. Sebagaimana tajuknya, kajian ini terbatas kepada aspek kata ganti nama diri sahaja dan sampelnya terhad kepada pelajar-pelajar Melayu yang sedang mengikuti kursus Sarjana Muda Bahasa dan Linguistik, pengkhususan bahasa Sepanyol di Universiti Malaya.

Data dikumpul menerusi ujian dan soal selidik. Penganalisisan data dibuat berdasarkan kepada lima aspek iaitu penguasaan pelajar dalam

kategori padanan, posisi, susunan, pengguguran dan penambahan sepetimana yang terkandung dalam bab 4.

Menerusi kajian ini, penyelidik ingin melihat sejauh mana pelajar-pelajar Melayu menguasai kata ganti nama diri bahasa Sepanyol berdasarkan kepada peratus dan kekerapan kesalahan yang dilakukan dalam setiap aspek yang diteliti. Di samping itu, penyelidik juga ingin mengetahui motivasi dan sikap pelajar terhadap bahasa Sepanyol dan apakah strategi-strategi yang digunakan serta masalah-masalah yang dihadapi dalam menguasainya. Diharapkan nanti, hasil kajian ini boleh dijadikan rujukan oleh pelajar-pelajar yang mengambil kursus bahasa Sepanyol dan kepada guru-guru yang mengajar bahasa Sepanyol, ia boleh dijadikan panduan untuk merangka pengajaran yang lebih baik dan berkesan.

Penyelidik berpendapat yang kajian ini penting kerana ia merupakan kajian yang pertama di Malaysia yang mengkhusus kepada kata ganti nama diri bahasa Sepanyol. Oleh yang demikian, ia boleh dijadikan landasan kepada pengkaji-pengkaji lain yang berminat untuk menjalankan kajian yang serupa dengan skop dan objektif yang berbeza.

1.1 Bahasa Sepanyol dan Kepentingannya

Rakyat negara ini masih terkenangkan Paulina, wanita yang jelita dan berhati mulia dalam '*La Usurpadora*'. Di sebaliknya pula, kejahatan dan keangkuhan Margarita dalam '*Mis Tres Hermanas*' masih menghantui fikiran. Di mata, masih terbayang-bayang ketampanan Mauricio dalam '*Juana La Virgen*' yang juga adalah Santiago dalam "*Mis Tres Hermanas*". Manakala, kelucuan Betty dalam '*Betty La Fea*' masih segar di minda.

Nama-nama yang tersebut di atas telah menjadi igauan samada manis ataupun pahit kepada pelbagai lapisan masyarakat di Malaysia yang menjadi penonton setia telenovela di tv. Paulina, Margarita, Mauricio, Santiago dan Betty adalah antara nama-nama watak yang mengesankan yang terdapat di dalam cerita-cerita berbahasa Sepanyol yang sedang membanjiri stesen-stesen televisyen di Malaysia. Rakyat negara ini seperti telah ketagih untuk terus menonton episod demi episod telenovela walaupun bahasa yang digunakan tidak difahami dan kekadang, cerita yang disajikan amat sterotaip. Namun, seising manapun bahasa dan sesterotaip manapun cerita, penonton setia menghayati dan mengikuti ceritanya hari demi hari.

Berdasarkan senario di atas, maka tidak hairanlah jika kita terdengar makcik-makcik di kampung, kanak-kanak, pelajar sekolah, penghuni kota atau sesiapa jua, mengucapkan *sí* (ya), *hola* (hai), *te quiero* ('I love you')

dan lain-lain lagi yang merupakan sebahagian daripada ungkapan-ungkapan asas dalam bahasa Sepanyol, yang sering disebut di dalam telenovela-telenovela tersebut. Oleh yang demikian, adalah wajar untuk menyatakan bahawa rakyat Malaysia kini sedang membuka mata dan minda mereka terhadap bahasa Sepanyol berikutan pengaruh dan demam telenovela yang melanda negara ketika ini.

Ketika negara sedang dilanda demam telenovela, di dunia pula bahasa Sepanyol semakin berkembang dan mengukuhkan kedudukannya sebagai antara bahasa yang terpenting di dunia. Kepentingan bahasa Sepanyol di dunia dapat dilihat dari aspek-aspek seperti yang berikut:

1.1.1 Bahasa Antarabangsa yang Penting

Bahasa Sepanyol adalah bahasa yang ketiga terbesar di dunia selepas bahasa Inggeris dan Mandarin. Kini, lebih daripada 450 juta orang menuturkan bahasa Sepanyol sebagai bahasa pertama di 22 buah negara di seluruh dunia, termasuk Filipina dan bahagian-bahagian tertentu di Afrika. Bahasa Sepanyol adalah bahasa rasmi di negara Sepanyol dan di kebanyakan negara Amerika Latin. Ia juga menjadi bahasa rasmi di negara-negara yang sedang mengalami pertumbuhan ekonomi yang pesat seperti Chile, Argentina dan Mexico.

Bahasa Sepanyol juga adalah bahasa yang kedua terpenting di Amerika Syarikat, di mana ia dituturkan oleh lebih daripada 20% penduduknya, samada sebagai bahasa pertama atau bahasa kedua, terutamanya di California, Texas dan Florida dan juga di bandaraya-bandaraya utama seperti New York, Chicago, Boston dan Philadelphia. Kini, Los Angeles menjadi kota raya yang mempunyai penutur bahasa Sepanyol yang teramai di dunia selepas Mexico City, malah lebih ramai daripada Madrid dan Buenos Aires.

Menjelang tahun 2010, jumlah penutur bahasa Sepanyol di seluruh dunia dijangka akan meningkat dan mengatasi penutur bahasa Inggeris. Ramalan ini adalah berdasarkan kepada pertambahan penduduk yang pesat di republik-republik Amerika Latin yang baru, selaras dengan kepesatan pertumbuhan ekonominya.

Selain daripada itu, bahasa Sepanyol juga menjadi salah satu bahasa rasmi di '*United Nations*' dan '*European Community*'. Manakala di negara Jepun, Sweden dan bekas Soviet Union pula, bahasa Sepanyol adalah bahasa asing yang kedua popular selepas bahasa Inggeris. Kerajaan Sepanyol melalui Institut Cervantes telah menjalankan usaha-usaha mempromosikan bahasa Sepanyol ke seluruh dunia. Di samping itu, usaha-usaha pengekalan bahasa dan budaya yang telah dijalankan oleh masyarakat penutur bahasa

Sepanyol, samada daripada negara Sepanyol atau Amerika Latin, telah mendapat sokongan daripada institusi-institusi ketiga di Australia.

1.1.2 Bahasa Roman dengan Budaya Tradisi dan Sejarah yang Mendalam

Bahasa Sepanyol adalah bahasa yang berkembang dari bahasa Latin Vulgar iaitu sejenis bahasa pasar atau bahasa campuran yang mempunyai unsur-unsur dan pengaruh bahasa Celtic, Roman, Arab dan Jewish. Percampuran tersebut telah membentuk budaya Sepanyol yang unik yang turut mengandungi campuran budaya Celtic, Roman, Arab dan Jewish.

Pertembungan pelbagai budaya tersebut telah melahirkan budaya baru yang unik, yang terserlah dalam seni, muzik dan kesusastraannya. Hasilnya, Amerika Latin terus dikenali sebagai dunia baru yang penuh misteri, dan ia masih terus diterokai, hingga kini. Kebanyakan penulis yang berasal daripada Amerika Latin kini telah menjadi nama-nama besar yang masyhur, seperti pemenang anugerah Nobel yang produktif, Gabriel García Márquez, dan Mario Vargas Llosa, Isabel Allende, dan Laura Esquivel. Manakala penulis-penulis dan artis-artis yang lain telah lama dikenali dan dikagumi, ialah seperti: Pablo Neruda, Julio Cortázar, Jorge Luis Borges, Carlos Fuentes, Juan Rulfo, Gabriela Mistral, Alfonsina Storni, Octavio Paz,

Diego Rivera, Frida Kahlo, Rubén Darío, Miguel Angel Asturias, dan lain-lain lagi.

Penulis-penulis dan artis-artis ini aktif dalam mempersembahkan pameran antarabangsa yang hebat dan mengagumkan dalam kesusasteraan, muzik, seni dan filem. Nama-nama seperti Picasso, Dalí, Buñuel, Rodrigo, Falla, Gaudí, Lorca, Laforet, Gaite dan Miró adalah nama-nama individu yang cemerlang, popular dan sangat berpengaruh dalam abad ini.

Dan, jika kita mengembara ke zaman silam, kita akan bertemu dengan lebih ramai lagi karyawan seperti Unamuno yang digelar si hebat, dan Sor Juana Inés de la Cruz yang popular dengan karya-karyanya yang moden dan menakjubkan, Teresa de Avila yang berjiwa merdeka dan Juan de la Cruz yang berkarya dengan penuh perasaan. Mereka semua adalah pelopor khususnya tradisi mistik Sepanyol. Namun, terdapat juga generasi baru, yang menulis dengan irama baru, dalam dunia mereka yang tersendiri, samada di dalam bahasa Catalan lama atau Basque, atau Quéchua purba, atau bahasa yang menyerlahkan identiti Chicano dan Puerto-Rican mereka di Amerika. Pendek kata bahasa Sepanyol adalah bahasa yang melatari budaya Sepanyol yang mempunyai kesusasteraan yang unik dan gemilang.

1.1.3 Bahasa yang Mempunyai Kepentingan Ekonomi yang Penting.

Bahasa Sepanyol adalah bahasa perdagangan antarabangsa yang menjadi pintu masuk kepada zon perdagangan bebas yang terpenting di dunia seperti: EEC, (menerusi negara Sepanyol), dan, NAFTA dan APEC, (menerusi negara-negara Amerika Latin).

Amerika Latin adalah kawasan yang mengalami pertumbuhan ekonomi yang kedua terpesat di dunia. Selain daripada yang tersebut di atas, perjanjian-perjanjian perdagangan lain yang penting ialah seperti Mercosur (Argentina, Brazil, Paraguay dan Uruguay) dan Kumpulan Tiga (G3), yang terdiri daripada Mexico, Venezuela dan Colombia, yang telah membuka peluang pelaburan kepada Australia.

Kawasan yang menuturkan bahasa Sepanyol di Pasifik menawarkan peluang-peluang baru untuk pelaburan Australia. Brazil, yang dikenali sebagai '*The Sleeping Giant*' di Amerika Latin, mampu mengetuai Zon Perdagangan Bebas Amerika Selatan sebagai perimbangan balas terhadap NAFTA. Tambahan pula, hala tuju perdagangan Amerika pada masa hadapan ditunjuk dengan jelas oleh cadangan penubuhan Kawasan Perdagangan Bebas Amerika, atau AFTA, yang akan meliputi seluruh benua Amerika, dari Canada hingga Chile.

Dua negara yang menuturkan bahasa Sepanyol di ‘*Eastern Pacific Basin*’ iaitu Chile dan Mexico, adalah ahli-ahli APEC. Manakala negara-negara ‘*Pacific Rim*’, iaitu Colombia dan Peru, akan menganggotai APEC di masa akan datang.

Selanjutnya, negara Amerika Latin dijangka akan menjadi pasaran terbesar dunia menjelang tahun 2005, dengan penduduknya yang akan melebihi 850 juta orang. Dengan pertambahan liberalisasi perdagangan, penurunan kadar inflasi, dan pengembalian demokrasi dan kestabilan politik, negara Amerika Latin mempunyai potensi yang sangat besar untuk maju dalam bidang ekonomi dan juga budaya, sebagaimana yang dikecapi oleh negara-negara Asia yang kaya seperti Jepun.

1.1.4 Bahasa yang Mudah Dipelajari

Seperti yang diketahui dari sejarahnya, bahasa Sepanyol berasal daripada bahasa Latin yang suatu ketika dahulu dibawa masuk oleh penjajah Rom yang menakluk Semenanjung Iberia (kini Sepanyol). Selain daripada bahasa Sepanyol, bahasa Perancis, Itali, Portugis, Catalan, Galicia dan Rumania juga berasal dan berkembang daripada bahasa Latin. Hal yang demikian telah menyebabkan bahasa-bahasa tersebut secara asasnya mempunyai persamaan di antara satu sama lain dalam beberapa perkara seperti sistem kala, genus, bilangan dan sebagainya.

Berdasarkan kepada hal di atas, maka pengetahuan tentang mana-mana bahasa yang berdasarkan bahasa Latin akan memudahkan seseorang itu mempelajari bahasa Sepanyol. Selain daripada itu, penguasaan bahasa Inggeris yang baik juga memberikan kelebihan kepada seseorang untuk mempelajari bahasa Sepanyol dengan mudah. Ini kerana banyak perbendaharaan kata bahasa Sepanyol yang menyamai bahasa Inggeris. Dengan kata lain, penutur bahasa Inggeris tidak akan menghadapi banyak masalah untuk mengingati dan menguasai kosa kata bahasa Sepanyol.

Dari segi bacaan dan penulisan, bahasa Sepanyol juga mudah dikuasai. Ini kerana bahasa Sepanyol adalah bahasa yang menggunakan sistem fonetik atau sistem suku kata dalam ejaan dan penyebutannya. Misalnya perkataan '*libro*' yang bererti 'buku', disebut sebagaimana dieja iaitu /l/i/b/ = 'lib' dan /r/o/ = 'ro'. Adalah wajar untuk menyatakan bahawa seseorang itu boleh belajar membaca dalam bahasa Sepanyol hanya dalam beberapa jam sahaja. Bagaimanapun, penguasaan dan kecekapan penuh dalam sesuatu bahasa itu, tidak kira semudah mana sekalipun, akan hanya diperolehi oleh seseorang yang benar-benar berkemahiran dan berkehendak, disamping mempunyai sikap yang positif dan bersungguh-sungguh.

1.2 Pengajaran Bahasa Sepanyol sebagai Bahasa Asing di Universiti Malaya

Semua pengajaran dan kursus bahasa di Universiti Malaya dijalankan di Fakulti Bahasa dan Linguistik yang dahulunya dikenali sebagai Pusat Bahasa Universiti Malaya. Sebelum Pusat Bahasa ditubuhkan pada 3 Mac 1972, pengajaran bahasa dijalankan di Fakulti Sastera dan Sains Sosial. Pada 14 Julai 1995, Pusat Bahasa telah dinaikkan taraf menjadi Fakulti Bahasa dan Linguistik, selaras dengan perkembangannya sebagai sebuah organisasi perkhidmatan bahasa yang bertanggungjawab mengendalikan kursus-kursus bahasa bagi memenuhi keperluan Fakulti, Akademi dan Pusat lain di Universiti Malaya.

Objektif Fakulti Bahasa dan Linguistik seperti yang terkandung dalam buku panduan kemasukan pelajar sesi 2002/2003 adalah seperti berikut:

1. Menghasilkan siswazah yang berkaliber tinggi dalam bidang bahasa dan linguistik.
2. Memupuk minat terhadap kajian pelbagai bahasa di Malaysia dan juga bahasa-bahasa lain.
3. Meningkatkan kepekaan terhadap penggunaan bahasa dan perkaitannya dengan masyarakat.

4. Menggalakkan pemindahan ilmu pengetahuan melalui pemindahan maklumat dari bahasa ke bahasa.

Pada awal penubuhannya, Fakulti Bahasa dan Lingustik telah mengendalikan kursus-kursus di peringkat sijil kecekapan bahasa untuk pelajar, kakitangan universiti dan juga orang awam. Kursus-kursus yang ditawarkan samada sebagai kursus unit atau sebagai kursus sijil kecekapan bahasa ialah: bahasa Arab, Burma, Cina, Belanda, Inggeris, Perancis, Jerman, Itali, Jepun, Korea, Bahasa Melayu, Filipina, Portugis, Rusia, Tamil, Thai, Urdu, Vietnam dan Bahasa Sepanyol.

Penawaran bahasa Sepanyol sebagai satu kursus di Fakulti Bahasa dan Linguistik bermula pada sesi kemasukan 1979/1980. Pensyarah yang terlibat ialah Dr. Ricerda T. Collantes Jr dari Filipina.

Sebagai kursus unit, bahasa Sepanyol diambil kebanyakannya oleh pelajar-pelajar tahun dua dan tiga dari Fakulti Sastera dan Sains Sosial sebagai sebahagian daripada keperluan pengajian mereka. Mereka perlu mengambil dua tahap iaitu tahap yang pertama kursus AZ217 dan tahap yang kedua iaitu kursus AZ317 merupakan sambungan daripada kursus yang pertama. Di akhir semester, pelajar akan dinilai berdasarkan kepada a) Ujian bertulis yang terdiri daripada ujian kefahaman, tatabahasa dan penulisan, serta b) Ujian lisan. Manakala di akhir semester II pula pelajar

akan dinilai berdasarkan kepada a) Ujian bertulis yang mengandungi kefahaman, tatabahasa dan penulisan/surat menyurat, b) Ujian lisan dan c) Rencana.

Manakala, bagi kursus sijil kecekapan bahasa pula yang terbuka kepada pelajar, kakitangan universiti dan orang awam, tiga tahap disediakan iaitu tahap pertama CH10, tahap kedua CH20 dan tahap ketiga CH30. Setiap tahap mengambil masa selama setahun yang bererti 3 tahun atau 6 semester diperlukan untuk menyempurnakan ketiga-tiga tahap tersebut. Kursus sijil lanjutan kecekapan bahasa Sepanyol CH40 pula ditawarkan kepada pelajar-pelajar yang ingin meneruskan pengajian ke peringkat lanjutan selama setahun.

Secara amnya, objektif pengajaran bahasa Sepanyol adalah supaya pelajar dapat berkomunikasi dengan menggunakan ayat-ayat yang mudah, boleh membaca dan memahami teks yang mudah dan mampu menghasilkan penulisan yang pendek dan mudah. Di samping itu juga, pelajar boleh menimba pengetahuan mengenai negara, budaya dan masyarakat penutur bahasa Sepanyol.

Selain daripada itu, bahasa Sepanyol juga telah ditawarkan sebagai salah satu subjek dalam kursus Diploma Terjemahan di Fakulti Bahasa dan Linguistik selama 2 tahun bermula dari sesi 1991/1992 hingga 1992/1993.

Diploma Terjemahan adalah kursus profesional yang disediakan untuk calon-calon lepasan ijazah yang ingin menjadi penterjemah profesional.

Bagi memenuhi keempat-empat objektif penubuhannya, Fakulti Bahasa dan Linguistik telah mara ke hadapan dengan mengadakan program Ijazah Sarjana Muda Bahasa dan Linguistik pada tahun 1998 yang menawarkan bahasa Sepanyol sebagai salah satu bahasa pengkhususannya. Di samping bahasa Sepanyol, bahasa-bahasa lain yang turut ditawarkan sebagai kursus major ialah bahasa Arab, Cina, Tamil, Inggeris, Jepun, Jerman, Perancis dan Itali. Bahasa Sepanyol bersama-sama bahasa-bahasa Eropah yang lain telah diletakkan di bawah Jabatan Bahasa-Bahasa Asia dan Eropah.

Bagi sesi kemasukan 1998/1999, Fakulti Bahasa dan Linguistik telah menerima sekumpulan pelajar yang pertama seramai 145 orang di mana 15 orang daripadanya telah ditawarkan mengikuti kursus bahasa Sepanyol.

Matapelajaran yang disediakan untuk kursus bahasa Sepanyol di peringkat ijazah adalah seperti dalam jadual 1.2 di sebelah (berdasarkan kepada sesi kemasukan 2002/2003).

Jadual 1.1 Matapelajaran Yang Disediakan Bagi Jurusan Bahasa Sepanyol

Semester	Kod	Matapelajaran	Jam Kredit
I	TBEH1115	Kemahiran Bahasa Sepanyol I	4
	TBEH1116	Kemahiran Bahasa Sepanyol II	4
II	TBEH1117	Kemahiran Bahasa Sepanyol III	4
	TBEH1118	Kemahiran Bahasa Sepanyol IV	4
III	TBEH2117	Kemahiran Bahasa Sepanyol V	4
	TBEH2118	Kemahiran Bahasa Sepanyol VI	4
	TBEH2141	Fonetik dan Fonologi Bahasa Sepanyol	2
IV	TBEH2142	Morfologi Bahasa Sepanyol	2
	TBEH2146	Bahasa dan Tamadun Sepanyol I	2
	TBEH2151	Bahasa dan Kesusasteraan Sepanyol I	2
	TBEH2152	Kelainan Bahasa Kawasan Geografi Sepanyol	2
V	TBEH3143	Penterjemahan Amali Dua Hala B. Sepanyol I	2
	TBEH3151	Bahasa dan Kesusasteraan Sepanyol II	2
	TBEH3152	Sintaksis Bahasa Sepanyol	2
	TBEH3153	Bahasa dan Tamadun Sepanyol II	2
VI	TBEH3145	Penterjemahan Amali Dua Hala B. Sepanyol II	2
	TBEH3154	Bahasa Sepanyol untuk Tujuan Khas	2
	TBEH3155	Evolusi Bahasa Sepanyol	2
	TBEH3110	Projek Ilmiah Tahun Akhir	2

Berdasarkan jadual di atas, dapat dilihat bahawa sebanyak 19 matapelajaran bahasa Sepanyol yang berjumlah 50 jam kredit kesemuanya, perlu diambil oleh pelajar dalam tempoh 6 semester bersamaan dengan 3 tahun.

Dari jadual tersebut juga, dapat dilihat bahawa matapelajaran kemahiran bahasa Sepanyol telah dipecahkan kepada 6 bahagian iaitu TBEH1115, TBEH1116, TBEH1117, TBEH1118, TBEH2117 dan TBEH2118 yang diajar secara berperingkat-peringkat selama 3 semester.

Kata ganti nama sebagai salah satu unsur yang diajar, telah diselitkan dalam matapelajaran kemahiran bahasa tersebut, dan diajar secara khusus dalam matapelajaran sintaksis di semester V.

Pelajar-pelajar dinilai berdasarkan kepada a) Peperiksaan akhir yang terdiri daripada ujian bertulis dan ujian lisan; b) Kerja kursus yang mengandungi ujian, kuiz, kerja rumah dan tugas; c) Kehadiran, komitmen dan penglibatan di dalam kelas dan d) Projek ilmiah tahun akhir.

Pada masa ini, Universiti Malaya mempunyai empat orang tenaga pengajar bagi kursus bahasa Sepanyol iaitu dua orang pengajar tempatan berbangsa Melayu manakala dua orang lagi adalah pengajar asing berbangsa Sepanyol. Pengajaran dijalankan secara tutorial, bengkel, *role play* dan

makmal bahasa. Di samping itu juga, Fakulti Bahasa dan Linguistik menyediakan kemudahan perpustakaan untuk para pelajar membuat rujukan.

Usaha Fakulti Bahasa dan Linguistik Universiti Malaya menawarkan kursus bahasa Sepanyol yang telah diadakan semenjak tahun 1979 lagi telah dituruti kemudiannya oleh institusi-institusi pengajian tinggi yang lain di Malaysia seperti Universiti Utara Malaysia (UUM) di Kedah yang mula menawarkan kursus bahasa Sepanyol pada bulan Disember 1992, Institut Awam negara (INTAN) yang telah menawarkan kursus bahasa Sepanyol pada bulan Jun 1994 kepada kakitangan-kakitangan kerajaan dan diplomat-diplomat, Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Malaysia Sabah (UMS), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Perguruan Sultan Idris (UPSI) dan pada masa akan datang dijangka akan mula ditawarkan di institusi-institusi pengajian tinggi yang lain termasuk di IPT swasta. Di samping itu, '*The Language House*' iaitu sebuah sekolah swasta di Petaling Jaya Selangor, turut menawarkan kursus bahasa Sepanyol di peringkat asas untuk sesiapa yang berminat.

Sambutan yang amat menggalakkan terhadap bahasa Sepanyol akhir-akhir ini (berdasarkan kepada jumlah penonton telenovela di tv, dan peningkatan bilangan IPT yang menawarkan bahasa Sepanyol sebagai satu kursus) membuktikan bahawa rakyat negara ini sedang membuka mata terhadap bahasa yang berasal dari bahasa Latin ini. Di samping institusi

pendidikan, tidak dinasikan bahawa usaha mempopularkan bahasa Sepanyol ini banyak dimainkan oleh media elektronik seperti RTM, TV3, NTV7, ASTRO dan lain-lain lagi yang hampir setiap hari menayangkan cerita-cerita berbahasa Sepanyol di tv, yang menarik dan sensasi.

Malah, dari tinjauan rambang penyelidik ke atas pelajar-pelajar yang mengambil bahasa Sepanyol sebagai kursus elektif di UKM (tempat penyelidik mengajar secara sambilan), motivasi utama yang mendorong mereka mengambil kursus tersebut adalah kerana ingin mendalami dan menghayati telenovela-telenovela di tv.

Berdasarkan perkembangan di atas, penyelidik meramalkan yang bahasa Sepanyol akan terus berkembang dan menjadi antara bahasa asing yang popular di negara ini.

1.3 Penyataan Masalah

Tujuan pembelajaran sesuatu bahasa ialah agar kita mampu berwacana lisan dan tulisan, mampu berbahasa lisan dan tulisan dalam bahasa yang dipelajari itu dengan baik dan betul. Pendek kata, tidak kira apa jua bahasa yang dipelajari, tujuan akhir pembelajarannya ialah agar kita mampu berbahasa, mampu menyemak, mampu berbicara, mampu membaca dan mampu menulis dalam bahasa itu. (Tarigan, 1987)

Mampukah pelajar Melayu berwacana dan berbahasa dalam bahasa Sepanyol dengan baik dan betul? Sejauh manakah pelajar Melayu menguasai kata ganti nama diri bahasa Sepanyol yang merupakan unsur kohesi yang penting dalam menentukan kepaduan dan keutuhan wacana? Bagaimanakah sikap dan motivasi pelajar Melayu ini terhadap pembelajaran bahasa Sepanyol dan apakah pula masalah yang dihadapi serta strategi yang digunakan dalam proses pembelajaran?

Berdasarkan pengalaman penyelidik sebagai bekas pelajar bahasa Sepanyol, penyelidik mendapati bahawa kegagalan pelajar Melayu memahami teks bahasa Sepanyol dengan baik adalah disebabkan oleh ketidakupayaan mereka menguasai kata ganti nama diri dengan baik juga.

Menerusi kajian tentang kata ganti nama diri bahasa Sepanyol ini, persoalan tentang penguasaan dan pembelajarannya di kalangan pelajar Melayu akan cuba dijawab. Justeru kajian yang serupa belum pernah dijalankan oleh mana-mana sarjana samada tempatan mahupun luar negara maka penyelidik berasaskan yang kajian ini adalah wajar.

1.4 Objektif Kajian

Kajian ini bertujuan meneliti penguasaan kata ganti nama diri di kalangan pelajar Melayu yang sedang mengikuti program Sarjana Muda Bahasa dan Linguistik (pengkhususan Bahasa Sepanyol) di Universiti Malaya setelah mereka mempelajari Bahasa Sepanyol secara formal selama 3 tahun. Tujuan utama kajian ini adalah untuk meneliti:

1. Kesilapan dalam aspek kata ganti nama diri yang dilakukan oleh pelajar Melayu yang mengikuti kursus bahasa Sepanyol di Universiti Malaya.
2. Dalam aspek kata ganti nama diri yang manakah pelajar paling banyak membuat kesilapan?
3. Jumlah, purata dan peratus kesilapan padanan, posisi, susunan, pengguguran dan penambahan yang dilakukan oleh pelajar Melayu.
4. Motivasi pelajar terhadap pembelajaran bahasa Sepanyol.
5. Sikap pelajar terhadap pembelajaran bahasa Sepanyol.
6. Masalah yang dihadapi oleh pelajar dalam proses pembelajaran bahasa Sepanyol.
7. Strategi yang digunakan oleh pelajar untuk menguasai bahasa Sepanyol.

1.5 Kepentingan Kajian

Kajian yang akan dijalankan ini mempunyai beberapa kepentingan seperti berikut:

1. Oleh kerana kajian yang dijalankan ini adalah yang pertama seumpamanya di Malaysia, maka ia diharapkan akan dapat membantu ahli-ahli akademik tempatan untuk melakukan kajian lanjut, dengan menyediakan data asas tentang kata ganti nama diri bahasa Sepanyol dan penguasaannya oleh pelajar Melayu.
2. Data yang dikumpul dari kajian yang dijalankan ini boleh digunakan oleh pelajar-pelajar bahasa Sepanyol sebagai rujukan untuk mempertingkatkan lagi pengetahuan dan kefahaman mereka berhubung kata ganti nama diri.
3. Kajian yang dijalankan ini bermanfaat kepada guru-guru yang mengajar bahasa Sepanyol kerana data yang diperolehi boleh digunakan sebagai panduan untuk memantapkan dan mengukuhkan lagi teknik serta pendekatan pengajaran.
4. Kajian yang dijalankan ini juga boleh memberi faedah kepada orang awam yang berminat mempelajari bahasa Sepanyol kerana ia boleh

dijadikan sumber maklumat tentang aspek tatabahasa terutamanya tentang kata ganti nama diri.

1.6 Batasan Kajian

Kajian ini terbatas kepada aspek-aspek berikut:

1.6.1 Batasan Permasalahan

Permasalahan yang diteliti terhad kepada penguasaan kata ganti nama diri sahaja. Penyelidik tidak membuat penelitian terhadap aspek-aspek tatabahasa yang lain kerana ini akan mengambil masa yang panjang dan mungkin tidak akan menepati objektif kajian ini.

1.6.2 Batasan Sampel.

Sampel yang digunakan terbatas kepada pelajar-pelajar Melayu tahun akhir yang sedang mengikuti program Sarjana Muda Bahasa dan Linguistik pengkhususan bahasa Sepanyol di Universiti Malaya. Penyelidik tidak menggunakan sampel dari bangsa lain kerana fokus penelitian penyelidik ialah penguasaan kata ganti nama diri bahasa Sepanyol di kalangan pelajar-pelajar yang mempunyai bahasa ibunda yang sama. Dalam

hal ini penyelidik memilih pelajar-pelajar Melayu kerana mereka adalah golongan majoriti.

Bilangan sampel yang digunakan terhad kepada 11 orang sahaja. Penyelidik tidak menggunakan sampel yang lebih ramai kerana bilangan pelajar yang mengikuti program Sarjana Muda Bahasa dan Linguistik pengkhususan bahasa Sepanyol adalah kecil. Di samping itu, penyelidik juga mahu menumpukan kepada pelajar yang mengambil kursus bahasa Sepanyol sebagai kursus major sahaja.

1.6.3 Batasan Bahan Kajian

Bahan kajian ini adalah terdiri daripada satu ujian tatabahasa yang dijawab oleh pelajar dalam masa 1 jam, dan senaskah kertas soal selidik mengenai sikap, motivasi, masalah dan strategi dalam pembelajaran bahasa Sepanyol yang telah dipenuhkan.

1.6.4 Batasan Analisis

Penganalisaan yang dibuat khusus kepada aspek kata ganti nama diri. Penyelidik tidak membuat analisis terhadap aspek-aspek kata ganti nama yang lain kerana ini akan mengambil masa yang panjang dan tidak memadai bagi tujuan penyediaan tesis ini.

1.6.5 Batasan Masa

Masa yang diambil oleh penyelidik untuk menyiapkan tesis ini ialah setahun. Penyelidik tidak memperuntukkan masa yang lebih panjang kerana tempoh setahun itu dikira memadai untuk tujuan penyelidikan ini.

1.7 Definisi Istilah

Di bawah ini, dikemukakan dua definisi istilah penting iaitu definisi **Kata Ganti Nama** dan **Penguasaan**, yang dipetik dari pelbagai sumber dan rujukan yang relevan dengan kajian yang dijalankan.

1.7.1 Definisi Kata Ganti Nama

Pelbagai definisi tentang kata ganti nama telah diberikan oleh para sarjana, yang secara umumnya merujuk kepada perkataan-perkataan yang digunakan untuk menggantikan kata nama seperti saya, awak, dia, mereka dan sebagainya.

Definisi kata ganti nama yang diberikan oleh *Oxford Fajar Advanced Learners English-Malay Dictionary (2001)* ialah:

"a word used in place of a noun or noun phrase. E.g. he, it, her, me and them" atau,

"Perkataan yang digunakan di tempat kata nama atau frasa nama, misalnya *he, it, her, me, them*"

The Oxford English Reference Dictionary (1995) pula memberikan definasi kata ganti nama seperti berikut:

"a word used instead of and to indicate a noun already mentioned or known especially to avoid repetition.(e.g. we, they, this and ourselves)"

Menurut *Collins Cobuild Dictionary (1987)*, kata ganti nama ialah:

"a word that is used to replace a noun or a noun group that has already been mentioned or that will be mentioned later. E.g. he, she, them"

Manakala *Webster's Third New International Dictionary (1993)* mendefinisikan kata ganti nama sebagai:

a word belonging to one of the major form classes in any of a great many languages that is used as a substitute for a noun equivalent, takes noun constructions as declined, refers to persons or things named, asked for, or understood in the

context, and has little or no fixed meaning except one of relation or limitation.

Asmah Hj. Omar dalam bukunya ‘Nahu Melayu Mutakhir’ mengatakan bahawa kata ganti nama ialah kata yang berdiri di tempat kata nama. Dengan demikian kata ganti nama boleh berfungsi pada subjek dan objek ayat. Kata ganti nama boleh dibahagikan kepada tiga subgolongan: Ganti nama diri, ganti nama penunjuk dan ganti nama tanya. (Asmah Hj. Omar 1986:77)

Menurut Liaw Yock Fang dan Abdullah Hassan (1994:12), kata ganti nama ialah kata-kata yang mengantikan, menanyakan serta menunjukkan kata nama atau frasa nama di dalam ayat. Menurut mereka lagi, kata ganti nama boleh dibahagikan kepada lima golongan menurut hubungannya dengan kata benda, iaitu kata ganti diri, kata ganti tanya, kata ganti tak tentu, kata ganti tunjuk dan kata ganti penghubung.

Akhir sekali, menurut definisi Nik Safiah Karim, Farid M. Onn dan Hashim Hj. Musa (1992) iaitu:

Perkataan yang menjadi pengganti kepada kata nama khas dan kata nama am. Kata ganti nama boleh lagi dibahagikan kepada dua golongan kecil, iaitu ganti nama tunjuk dan ganti nama diri. Ganti nama perlu dibahagikan lagi kepada ganti nama diri orang dan ganti nama diri tanya. Ganti nama diri

orang pula terbahagi kepada ganti nama diri orang pertama, ganti nama diri orang kedua dan ganti nama diri orang ketiga.

Dalam kajian ini, penyelidik menggunakan kombinasi definisi kata ganti nama oleh kesemua tokoh di atas yang disimpulkan sebagai ‘perkataan yang digunakan untuk menggantikan kata nama, frasa kata nama dan objek bagi mengelakkan pengulangannya di dalam ayat atau wacana’.

1.7.2 Definisi Penguasaan

Menurut Kamus Dewan Edisi Baru sebagaimana yang dipetik dari Abdul Rahim Mahmood (2000), **penguasaan** bermakna perihal menguasai atau menguasai sesuatu dengan mendalam dan mahir. **Penguasaan** dalam kajian ini merujuk kepada kemahiran pelajar-pelajar memahami dan menggunakan kata ganti nama diri dengan tepat dan betul.

1.7.2.1 Tahap dan Kepentingan Penguasaan

Menurut Abdullah Hassan (1996), penguasaan bahasa melibatkan dua perkara umum iaitu ‘tahap kemampuan penguasaan’ dan ‘kepentingan penguasaan tahap bekenaan’.

1.7.2.2 Tahap Kemampuan Penguasaan

Menurut Abdullah Hassan (1996), tahap kemampuan penguasaan bermaksud peringkat penguasaan sesuatu bahasa. Misalnya, tahap yang sepatutnya diperoleh oleh pelajar yang telah mempelajari bahasa Sepanyol melalui pendidikan formal. Seterusnya, tahap yang diperlukan oleh seseorang untuk mengikuti kursus pengajian di peringkat yang lebih tinggi atau untuk memulakan kerjaya yang memerlukan peringkat penguasaan bahasa Sepanyol tertentu boleh diduga.

Selanjutnya, Abdullah Hassan (1996), mengatakan bahawa tahap kemampuan penguasaan terbahagi kepada dua, iaitu:

- a. **Tahap yang Berpadanan.** Menurut Abdullah Hassan (1996), keupayaan menggunakan sesuatu bahasa itu samada lisan atau tulisan hanya dapat diukur dengan sesuatu taraf penggunaan, misalnya setaraf dengan pelajar yang akan memasuki alam kerjaya atau menyambung pengajian ke peringkat yang lebih tinggi. Pelajar yang telah menamatkan pengajian di universiti sewajarnyalah mempunyai penguasaan bahasa yang agak tinggi. Bahasa tersebut perlu mantap tetapi fleksibel bagi membolehkan penuturnya mengungkapkan dan menyatakan idea yang mudah dan yang rumit dalam semua keadaan.

b. **Kesedaran tentang Bentuk Bahasa.** Dalam hal ini, Abdullah Hassan (1996) mengatakan bahawa, pelajar atau penutur perlu mengetahui akan bentuk bahasa formal dan yang tidak formal menurut kesesuaian konteks. Ia penting untuk membolehkan penutur mengetahui hakikat kewujudan konteks yang berbeza dan menilai keperluannya dengan pantas dan memutuskan tentang ragam atau lagak bahasa yang sesuai untuk menyampaikan pendapat atau maksud. Misalnya, dalam bahasa Sepanyol kata ganti nama diri kedua '*usted*' digunakan dalam situasi formal. Dalam situasi yang tidak formal kata ganti nama diri kedua '*tu*' digunakan. Penggunaan sistem ganti nama yang rasmi perlu diselaraskan pula dengan penggunaan bahasa yang lengkap dari segi pemakaian kata dan ayatnya.

1.7.2.3 Kepentingan Tahap yang Berlainan

Menurut Abdullah Hassan (1996), ada dua kepentingan dalam tahap pemakaian bahasa iaitu tahap budaya dan tahap fungsional.

a. **Tahap Budaya.** Penguasaan bahasa pada tahap budaya lebih dikaitkan dengan penguasaan bahasa pertuturan. Bahasa pertuturan golongan yang tidak terpelajar mempunyai ciri-ciri seperti mengandungi unsur-unsur tempatan, unsur-unsur individu samada

yang datang daripada dialek sesuatu tempat, ataupun idolek seseorang penutur tertentu. Lazimnya ia berlangsung dalam suasana yang bersahaja dan tidak rasmi. Manakala bahasa lisan golongan terpelajar pula biasanya tersebar lebih luas meliputi daerah yang berlainan. Ia digunakan secara meluas dan lebih konsisten. Dengan kata lain ia dikenali sebagai dialek baku. (Abdullah Hassan, 1996)

- b. **Tahap Fungsional.** Manakala, tahap fungsional bahasa pula menurut Abdullah Hassan (1996) ialah, taraf yang diperlukan oleh ahli masyarakat bagi melaksanakan tugas masing-masing. Ia dapat dilihat dari segi bahasa pertuturan dan tulisan. Bahasa lisan fungsional ialah bahasa yang digunakan dalam bacaan berita di televisyen, khutbah di masjid, perdebatan dalam persidangan, majlis rasmi dan upacara. Bahasa lisan pada tahap fungsional adalah terkawal dan lazimnya digunakan oleh golongan terpelajar dalam situasi rasmi. Bahasa tulisan pada peringkat fungsional pula ialah bahasa yang tertulis dalam majalah, jurnal, laporan, catatan mesyuarat, persidangan, kajian, eseи, tesis, dan sebagainya.

1.8 Kesimpulan

Kajian yang dilakukan ini bertitik tolak daripada kesedaran akan pentingnya kata ganti nama diri sebagai salah satu unsur kohesi yang penting dalam wacana. Pada masa yang sama, ia agak sukar dikuasai oleh pelajar-pelajar Melayu yang mempelajari bahasa Sepanyol kerana sistem kata ganti nama diri bahasa Sepanyol sangat kompleks dan amat berbeza dengan bahasa Melayu. Oleh hal yang demikian, penyelidik berpendapat adalah wajar untuk menjalankan satu kajian berkenaan dengan penguasaan kata ganti nama diri bahasa Sepanyol di kalangan pelajar Melayu bertujuan untuk meneliti kesilapan yang dilakukan, mengenal pasti punca, meninjau sikap, motivasi, masalah dan strategi, agar akhirnya, segala kelemahan yang ditemui dapat diperbaiki dan diatasi. Meskipun kajian yang dijalankan ini terbatas dalam banyak perkara, tetapi ia boleh dijadikan pemangkin kepada pengkaji-pengkaji lain untuk menjalankan kajian lanjut yang lebih luas dan mantap.